

SENARAI TUGAS
TIMBALAN SETIAUSAHA BAHAGIAN GRED TERBUKA 54
DI CAWANGAN DATA RAYA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. Merancang dan menyelaras pembangunan polisi serta prosedur operasi bagi tadbir urus data serta tadbir urus sistem dan pangkalan data pendidikan;
2. Memantau pelaksanaan dan kepatuhan kepada polisi serta prosedur tadbir urus data serta tadbir urus sistem dan pangkalan data pendidikan;
3. Memberi khidmat nasihat dalam pengurusan data secara keseluruhan merangkumi konsultasi penyediaan data, penggunaan teknologi dan penjana/penerbitan laporan;
4. Memberi khidmat nasihat dalam analisis data merangkumi nasihat dalam penggunaan statistik *inferential*, penggunaan model analisis serta aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi;
5. Memantau pelaporan dan penggunaan data pendidikan bagi memastikan *reliability data* serta penyampaian maklumat melalui *single source of truth*;
6. Merancang dan memantau pembangunan pelan pembangunan bakat dalaman Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pengurusan data dan analisis data;
7. Memantau pembangunan polisi dan prosedur bagi kawalan kualiti data yang mengandungi matrik dan keperluan kualiti data;
8. Memantau pembangunan polisi dan prosedur bagi keselamatan dan pengurusan risiko dalam tadbir urus data dan maklumat pendidikan;

LAMPIRAN I (a) – Cawangan Data Raya

9. Memantau pembangunan polisi dan prosedur bagi akses kepada data;
10. Memantau pembangunan dan kepatuhan terhadap standard dan model data KPM;
11. Memantau semakan instrument dan soal selidik Kajian Pengesanan Graduan;
12. Memantau pembangunan dan pengemaskinian portal pengurusan data dan Kajian Pengesanan Graduan;
13. Memantau penerbitan dan laporan data/statistik pendidikan;
14. Memantau kelulusan dan proses perkongsian data KPM;
15. Memantau proses pengumpulan data ke gudang data KPM;
16. Memantau proses pembersihan dan jaminan kualiti data Pendidikan;
17. Menjadi urus setia semua jawatankuasa data di KPM; serta
18. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.